

FTA: Amerika Syarikat hanya berminat projek besar

KUALA LUMPUR 8 Feb. – Amerika Syarikat tidak menyentuh soal membida projek-projek berskala kecil melibatkan projek pembangunan yang diperuntukkan kepada kontraktor bumiputera kelas F dalam rundingan Perjanjian Perdagangan Bebas (FTA) negara itu dengan Malaysia.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, AS sangat menghormati polisi kerajaan Malaysia berhubung isu penyertaan bumiputera dalam ekonomi.

Sehubungan itu, katanya, AS tidak menyentuh isu berkenaan semasa rundingan pusingan kelima FTA yang sedang berlangsung di Karambunai Resort, Sabah.

“AS sangat memahami isu-isu dalaman

yang melibatkan bumiputera,” jelas beliau.

“Firma-firma AS hanya berminat menyertai tender projek-projek berskala besar,” kata Rafidah kepada pemberita di sini hari ini selepas menyaksikan majlis memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara QI Services (M) Sdn. Bhd. dengan ISS Consulting (M) Sdn. Bhd. bagi pembelian perisian perancangan sumber perusahaan bersepadu (ERP), mySAP.

Rundingan pusingan kelima FTA antara AS dan Malaysia selama lima hari di Sabah akan berakhir esok.

Rafidah mengulas mengenai kebimbangan sesetengah pihak kononnya kepentingan peniaga terutama kontraktor kecil bumiputera akan terjejas sekiranya FTA antara

UM- 9/2/2007
AS dan Malaysia ditandatangani.

Rafidah berkata, kerajaan berharap, sektor awam dan swasta dapat memberi kepercayaan kepada wakil-wakil negara dalam rundingan FTA itu khususnya dalam konteks menjaga kepentingan bumiputera.

Menurutnya, rundingan FTA di Sabah berlangsung dalam suasana harmoni dengan kedua-dua pihak mencari jalan terbaik menyelesaikan beberapa kebuntuan dalam isu-isu ekonomi yang berbangkit.

Katanya, kerajaan menjangka rundingan FTA yang sedang berlangsung sekarang bukan rundingan terakhir dan besar kemungkinan ia akan diteruskan dalam siri rundingan lanjutan yang akan diadakan sehingga akhir bulan Julai ini.

Mengenai gesaan anggota kanan Kongres AS, Tom Lantos agar pentadbiran Presiden George W. Bush menggantung FTA dengan Malaysia sebagai memprotes perjanjian projek tenaga Malaysia dengan Iran, Rafidah berkata, perkara itu tidak diendahkan oleh pentadbiran AS.

“Saya menerima surat daripada Wakil Perdagangan AS, Susan Schwab yang menyatakan Washington tidak melayan desakan itu kerana menganggap pandangan itu adalah pendapat peribadi Lantos,” katanya.

Ketika ditanya mengenai kemungkinan maklumat terperinci rundingan FTA itu akan dimaklumkan kepada umum, Rafidah berkata, kerajaan akan mengumumkan maklumat tersebut selepas perjanjian FTA itu dimeterai.